

TARIKH	SABTU, 13 OGOS 2022
AKHBAR	KOSMO
TAJUK ARTIKEL	BENCANA RADIOAKTIF MENANTI EROPAH
M/S	33
BIDANG	NUCLEAR POWER PLANT
KATA KUNCI	ZAPORIZHZHIA, UKRAINE, IAEA

IAEA bimbang loji nuklear Zaporizhzhia berterusan jadi sasaran bedilan

Bencana radioaktif menanti Eropah

PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU (PBB), NEW YORK – Ketua Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA) memberi amaran kepada Majlis Keselamatan PBB kelmarin bahawa IAEA mesti dibenarkan memeriksa loji jana kuasa nuklear Zaporizhzhia di Ukraine.

Menurut IAEA, pertempuran berhampiran lokasi itu mengundang malapetaka serius.

"Ini merupakan detik serius dan IAEA mesti dibenarkan melaksanakan misinya ke Zaporizhzhia secepat mungkin," kata Rafael Grossi semasa mesyuarat tergempar Majlis Keselamatan PBB menerusi sidang video.

Ukraine dan Russia berperang sejak Moscow mencerooboh negara jirannya yang pro-Barat itu lewat Februari lalu.

Tentera kedua-dua negara bertempur di Zaporizhzhia dan kawasan sekitarnya sehingga mendorong gesaan antarabangsa supaya pertempuran dihentikan segera. Zaporizhzhia adalah loji nuklear terbesar di Eropah.

Susulan perkembangan membimbangkan itu, Washington menyatakan bahawa pihaknya menyokong desakan PBB supaya zon bebas tentera diwujudkan di sekitar Zaporizhzhia.

"Lawatan ini (pasukan penyiasat IAEA) tidak boleh ditangguhkan lagi," kata Setiausaha Rendah Kawalan Senjata dan Keselamatan Antarabangsa AS, Bonnie Jenkins sambil menambah, satu-satunya cara mencapai jaminan keselamatan nuklear adalah dengan Moscow menamatkan perang di Ukraine.

Bagaimanapun, Duta Russia ke PBB, Vasily Nebenzya menyalahkan keganasan di Zaporizhzhia dan kawasan sekitarnya kepada tentera Ukraine.

Nebenzya berkata, kecuaiannya Ukraine dalam cubaan meram-



pas semula loji nuklear Zaporizhzhia menolak dunia ke ambang bencana nuklear yang dahsyat.

Beliau berkata, dunia akan ditimpa malapetaka jika serangan dibiarkan berterusan.

Loji jana kuasa nuklear Zaporizhzhia berada di bawah kawalan tentera Russia sejak konflik di Ukraine bermula dan dibedil berulang kali oleh tentera Ukraine.

"Kami beberapa kali memberi amaran kepada Barat bahawa sekiranya mereka gagal bercakap dengan rejim Kiev supaya lebih munasabah, perbuatan tanpa



NEBENZYA menyertai perbincangan Majlis Keselamatan di Ibu pejabat PBB di Bandar Raya New York pada 19 Mei lalu. – AFP

berfikir panjang ini (membedil loji Zaporizhzhia) bukan sahaja akan menjejaskan Kiev tetapi turut membahayakan dunia," katanya sambil menambah, Barat selaku penaja Kiev perlu memikul tanggungjawab sekiranya bencana nuklear berlaku.

Serangan bertubi-tubi tentera Ukraine ke atas kemudahan infrastruktur nuklear itu mendorong dunia ke ambang bencana nuklear yang setanding atau lebih buruk berbanding Chernobyl, katanya.

"Jika tentera Ukraine me-

neruskan serangan ke atas loji jana kuasa ini, bencana nuklear boleh berlaku bila-bila masa sahaja," jelas Nebenzya.

Sebarang bencana yang menimpa Zaporizhzhia pula boleh menyebabkan pencemaran radioaktif tersebar ke kawasan luas dan menjejaskan sekurang-kurangnya lapan wilayah Ukraine, beberapa wilayah Russia serta Belarus yang bersempadan dengan Ukraine.

Republik Rakyat Lugansk dan Donetsk, Moldova, Romania dan Bulgaria juga berkemungkinan menderita.

"Harus diingat ini hanyalah ramalan pakar-pakar nuklear yang paling optimistik kerana skala sebenar bencana nuklear sebesar itu sukar untuk dibayangkan," tambahnya.

Grossi bagaimanapun memberitahu Majlis Keselamatan PBB bahawa setakat ini, keadaan di loji itu masih terkawal.

"Saya minta kedua-dua belah pihak (Russia dan Ukraine) supaya bertolak-ansur dan membenarkan misi IAEA untuk memeriksa loji Zaporizhzhia di teruskan," katanya.

Dalam masa yang sama, Setiausaha Agung PBB, Antonio Guterres menggesa supaya aktiviti ketenteraan di sekitar loji itu dihentikan.

Terdahulu, timbalan jurucakap Kementerian Luar Russia, Ivan Nechaev berkata, Moscow menyokong keputusan IAEA untuk memeriksa loji Zaporizhzhia.

"Kemudahan itu tidak boleh digunakan sebagai sebahagian daripada sebarang operasi ketenteraan," kata Guterres pula.

China juga menggesa semua pihak yang berkepentingan untuk duduk di meja rundingan dan mencari penyelesaian kepada isu serius tersebut. – AGENSI/APP



TANGKAP layar klip video menunjukkan kebakaran di loji jana kuasa nuklear Zaporizhzhia akibat dibedil tentera Ukraine pada 4 Mac lalu. – AGENSI ANADOLU



PEMANDANGAN loji jana kuasa Zaporizhzhia yang terletak di selatan Ukraine dan merupakan loji jana kuasa nuklear yang terbesar di Benua Eropah. – AFP

DISEDIAKAN OLEH	1-NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM 2-CARLOS LINTON (S19), BPM UNIT PERPUSTAKAAN, BPM
------------------------	---